

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH  
(SABAK BERNAM)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah prestasi dan sambutan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) semenjak dilancarkan pada tahun 2010 dan sejauh manakah tambahan sebanyak 1.5 bilion unit AHB akan memantapkan Pelaburan Hartanah Bhd. (PHB).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) telah dilancarkan pada tahun 2010 dengan saiz dana asal sebanyak 1 bilion unit. Seterusnya, saiz dana AHB ini telah ditingkatkan sebanyak 500 juta unit pada

tahun 2012 dan 500 juta unit lagi pada tahun 2013 menjadikan jumlah saiz dana AHB pada ketika itu sebanyak 2 bilion unit. Bagi ketiga-tiga pelancaran unit-unit AHB tersebut, sambutan yang diterima daripada pelabur-pelabur Bumiputera amatlah menggalakkan. Secara puratanya kesemua unit telah habis dijual dalam jangka masa tiga hingga empat bulan sahaja.

Pada 7 April 2016 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah melancarkan unit tambahan AHB sebanyak 1.5 bilion unit lagi untuk dilanggan oleh pelabur-pelabur Bumiputera. Unit-unit tambahan ini ditawarkan dengan bersandarkan hartanah-hartanah terbaru yang telah disuntik ke dalam dana AHB oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) selaku penaja kepada AHB.

Hasil daripada langganan 1.5 bilion unit ini nanti akan digunakan oleh PHB untuk terus membeli hartanah-hartanah baru atau menjalankan projek pembangunan sendiri bagi tujuan suntikan ke dalam dana AHB pada masa hadapan. Ini secara langsung akan meningkatkan pemilikan hartanah-hartanah komersil utama negara oleh masyarakat Bumiputera dari semasa ke semasa.

Dari segi pulangan pula, AHB telah mengumumkan pulangan

pelaburan kepada pemegang-pemegang unitnya pada kadar 6.5 sen seunit hingga 6.6 sen seunit setahun semenjak dilancarkan. Pada tahun 2013, AHB telah mengumumkan bonus khas sebanyak 1 sen seunit dan kadar pulangan pada tahun tersebut sebanyak 7.5 sen seunit. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar pulangan yang diumumkan adalah pulangan bersih yang telah ditolak zakat dan dikecualikan daripada Cukai Pendapatan.

Di samping itu, AHB juga merupakan dana unit amanah bersandarkan hartanah yang pertama di Malaysia dan telah disahkan sebagai Patuh Syariah.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
DARIPADA MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan bilangan kes pergaduhan di sekolah sepanjang tahun 2015 dan 2016 terkini dan nyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan badan khas bagi mencari mekanisme untuk membendung gejala berkenaan daripada terus berlaku dan seterusnya menangani masalah pergaduhan di sekolah.**

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan kes pergaduhan yang dilaporkan dalam Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM) seperti 30 April 2015 bagi tahun 2015 di Sekolah Menengah (3169) dan Sekolah Rendah (635). Manakala bagi tahun 2016 di Sekolah Menengah (1838) dan Sekolah Rendah (384).

Sehubungan itu, **Mesyuarat Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Bil 1 Tahun 2016** diadakan bagi mencari jalan untuk membendung gejala salah laku disiplin termasuk pergaduhan dengan bantuan daripada agensi yang berkaitan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF).

Selain daripada itu, surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran sedia ada yang berkaitan menjadi rujukan seperti berikut:

- i. **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. (8) Tahun 2010:** Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah.
- ii. **Surat Siaran KPM Bil. (16) Tahun 2009:** Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng Dalam Kalangan Murid.

KPM juga mengingatkan pihak pengurusan sekolah supaya membudayakan sikap kasih sayang secara berterusan di sekolah. Di samping itu, Amalan Guru Penyayang perlu dipraktikkan oleh warga pendidik dengan memberi penekanan kepada sifat kepedulian terhadap muridnya dengan mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, prihatin dan sabar hendaklah diterapkan kepada semua murid sama ada di sekolah atau di asrama.

Di samping itu, pihak sekolah juga perlu memastikan setiap kejadian buli yang berlaku di sekolah dilaporkan kepada KPM dengan mematuhi SPI Bil. 7/2011 iaitu Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Displin Murid Tahun 2011.